

TERHAD

**Markas Tentera Udara**  
Bahagian Sumber Manusia  
Sel Kerjaya dan Pengambilan  
Tingkat 19, Wisma Pertahanan  
Jalan Padang Tembak  
50634 KUALA LUMPUR

Tel : 03-2681 2412  
Faks : 03-2687 3080

Ⓞ S Dis 2016

MTU/BSM(K&P)/291/1



No Indeks

\_\_\_\_\_  
No KP \_\_\_\_\_


**TAWARAN MENYERTAI TENTERA UDARA DIRAJA MALAYSIA (TUDM)**

1. Berhubung dengan perkara tajuk, **sukacita** dimaklumkan bahawa penama di atas telah berjaya dalam Pemilihan Perajurit Muda Udara (TUDM) Siri 56/17.
2. Saudara ditawarkan untuk menyertai TUDM sebagai anggota **Lain-Lain Pangkat (LLP)** lantikan ke pangkat **Perajurit Muda Udara** dan layak menerima segala insentif berdasarkan kepada syarat perkhidmatan yang sedia ada.
3. Pihak TUDM yakin saudara akan dapat memberi sumbangan kepada agama, bangsa dan negara amnya dan TUDM khususnya. Sila rujuk **Surat Arahan Melapor Diri di Kembaran A** untuk maklumat lanjut mengenai tawaran ini.
4. Saudara dikehendaki untuk melapor diri seperti berikut:
  - a. Tarikh : **16 Januari 2017 (Isnin).**
  - b. Masa : **5.00 petang.**
  - c. Lokasi : **Kompleks Perumahan TUDM  
Bt 10, Jalan Kuching-Serian  
93250 Kuching, Sarawak.**
5. Saudara dikehendaki **membuat pengesahan** terhadap tawaran ini dengan menghubungi talian telefon **03-2681 2412/2414** sebelum atau pada **16 Disember 2016**. **Tawaran ini akan terbatal sekiranya pengesahan tidak diterima sebelum tarikh yang ditetapkan.**



TERHAD

6. Sekian untuk makluman dan tindakan saudara selanjutnya. Pegawai yang berusaha menyampaikan. Terima kasih.



**MOHD YUSRI BIN HASSAN**  
Kapten TUDM  
bp Panglima Tentera Udara

TERHAD

KEMBARAN A KEPADA  
MTU/BSM (K&P)/291/1  
BERTARIKH 5 DIS 16

ARAHAN MELAPOR DIRI  
PERAJURIT MUDA UDARA (TUDM) SIRI 56/17

AM

1. Syabas dan tahniah diucapkan di atas keberanian dan kesungguhan memilih Tentera Udara DiRaja Malaysia (TUDM) sebagai kerjaya. Seterusnya, calon akan menjalani Latihan Asas Ketenteraan selama 6 bulan sebelum ditempatkan di unit untuk mengisi perjawatan sebagai seorang warga TUDM.

TUJUAN

2. Arahan ini adalah bertujuan untuk memberi garis panduan kepada calon sebagai persediaan sebelum menghadiri Latihan Asas Ketenteraan sebagai Perajurit Muda Udara (TUDM) siri 56/17.

MELAPOR DIRI

3. Anda dikehendaki melapor diri di **Kompleks Perumahan TUDM, Kem Batu 10, Jalan Kuching-Serian, 93250 Kuching Sarawak**. Jika ada sebarang masalah anda boleh menghubungi nombor telefon **017-363 6235** bagi mendapat bantuan.

DOKUMEN

4. Calon hendaklah membawa dokumen seperti berikut:

a. Sijil/Dokumen Asal.

- (1) Sijil Lahir terkini (Warna Hijau).
- (2) Sijil Akademik (SPM, SKM Tahap 2, Diploma atau Transkrip dan Sijil-sijil berkaitan).
- (3) Sijil berhenti sekolah.
- (4) Sijil sukan yang mewakili negeri dan ke atas.

b. Filem x-ray.

MELAPOR DIRI

5. Rambut calon hendaklah berkeadaan kemas dan pendek (potongan no 2) semasa melapor diri.

A-1

TERHAD

## TERHAD

6. Semasa melapor diri, anda dikehendaki berpakaian kemas seperti berikut:
- Kemeja lengan panjang warna putih.
  - Tali leher warna hitam.
  - Seluar *slack* warna hitam.
  - Kasut bertumit, bertali warna hitam dan stokin hitam.

### PAKAIAN DAN PERALATAN

7. Calon-calun dinasihatkan untuk membawa bersama pakaian dan peralatan berikut:
- Pakaian awam iaitu sehelai seluar *slack*, dan sehelai kemeja lengan panjang.
  - Tiga helai baju T berkolar warna putih, dua helai seluar *track bottom* berwarna gelap dan sepasang kasut sukan serta stokin berwarna putih.
  - Sepasang baju kebangsaan (sebarang warna), sampung dan songkok hitam bagi yang beragama Islam sahaja.
  - Peralatan mandi serta kelengkapan penjagaan diri.
  - Alat tulis yang secukupnya.
8. Calon-calun **TIDAK DIBENARKAN** membawa peralatan berharga, senjata tajam, alat pemujaan dan ubat-ubatan yang tidak diluluskan oleh Kementerian Kesihatan. Penggunaan telefon tidak dibenarkan semasa tempoh latihan.

### LAIN-LAIN

9. Calon-calun dikehendaki menyediakan wang bayaran insuran kelompok sebanyak **RM 67.50 untuk 3 bulan pertama. (RM 4.50 (1 Unit) x 5 Unit x 3 bulan pertama)** untuk 3 bulan pertama.

### PENUTUP

10. Dengan ini diharapkan anda dapat membuat persiapan sepenuhnya sebelum menghadiri tempoh latihan. Jika anda menghadapi masalah atau ingin membuat sebarang pertanyaan, sila hubungi pihak kami melalui nombor telefon **03-2681 2412/2414**.